

UTUSAN MALAYSIA – SABTU 20 MEI 2017

Gadis OKU dinobat Ikon Belia Negeri Terengganu 2017

HULU TERENGGANU 20 Mei - Keazaman gadis orang kurang upaya (OKU) menghasilkan kuih bakul hingga mendapat tempahan tinggi semasa sambutan Tahun Baharu Cina lalu mendapat pengiktirafan apabila dipilih sebagai salah seorang Ikon Belia dalam majlis Anugerah Belia Negeri Terengganu 2017 di padang bola sepak Kampung Kuala Menjing di sini hari ini.

Kejayaan itu membolehkan Haziqah Nurulhuda Harun, 21, menerima sijil penghargaan daripada Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman.

Turut menerima anugerah sama ialah Pengarah Kelip-Kelip Palmstay Seri Bandi, Muhammad Syaifullah Che Ghani, 28, di samping Pengarah Urusan syarikat D Lan Group Sdn. Bhd., Nor Ardilan Syah Abdullah, 36.

Kedua-duanya merupakan pemenang dalam Rural Business Challenge (RBC) 2016 anjuran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam satu majlis di Kuantan, Pahang minggu lalu.

Terdahulu, Ahmad Razif turut



AHMAD RAZIF ABDUL RAHMAN menyampaikan sijil kepada Haziqah Nurulhuda Harun yang dinobatkan sebagai Ikon Belia Negeri Terengganu 2017 di Kampung Kuala Menjing, Hulu Terengganu, semalam. - MINGGUAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH

menyampaikan Anugerah Belia Wanita 2017 kepada Nurul Shafinaz Ishak manakala Muhammad Rosdi Mat Zin pula memenangi kategori lelaki.

Yang turut hadir Pengurus Jawatankuasa Belia, Sukan dan Sumber Manusia negeri, Datuk

Rozi Mamat; Pengurus Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan Tugas-Tugas Khas negeri, Ghazali Taib serta Pegawai Daerah Hulu Terengganu, Datuk Azmi Razik.

Sementara itu, Haziqah Nurulhuda berterima kasih atas

penghargaan tersebut dan akan menjadikannya sebagai motivasi untuk terus berjaya dalam bidang perniagaan.

"Kekurangan saya bukan penghalang untuk maju dan mencapai impian.

"Kuih bakul saya bakal ke Singapura September depan apabila kita dijemput untuk menyertai Festival Kuih Bakul oleh komuniti Malaysia di sana," katanya.

Menurut gadis berkerusi roda ini, segala tempahan terpaksa dihentikan seketika buat masa ini kerana ingin menumpukan kepada penyediaan 20,000 kuih bakul bagi dibawa ke Singapura.

Katanya, aktiviti sepanjang Ramadhan akan tertumpu pada penghasilan inti kuih bakul termasuk bakal mencuba inti bahru, antaranya, strawberi dan oreo.

"Secara keseluruhan, kuih bakul yang cara pembuatannya saya pelajari daripada rakan Facebook dari Beijing, China ketika ini mempunyai 29 perisa termasuk kacang merah, coklat kismis, pandan, teh hijau, jagung, pisang dan kelapa," katanya.